

**Presiden Turkmenistan Tiba Untuk Mulakan Lawatan Tiga Hari
Bernama
06 Disember, 2011**

SEPANG, 6 Dis (Bernama) -- Presiden Turkmenistan, Gurbanguly Berdimuhamedov tiba di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini Selasa untuk memulakan lawatan negara ke Malaysia selama tiga hari.

Beliau dan anggota rombongan yang turut disertai Naib Perdana Menteri, Rashid Meredov yang juga Menteri Luar serta para pegawai kanan kerajaan tiba pada 7.05 malam.

Ketibaan Berdimuhamedov disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Menurut Wisma Putra, lawatan julung kali oleh Presiden Turkmenistan itu akan membuka peluang kepada kedua-dua negara untuk membincangkan isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Ia juga akan meningkatkan kerjasama yang sedia terjalin antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pelaburan, minyak dan gas, pelancongan dan pendidikan.

Semasa di sini, Berdimuhamedov akan turut mengadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Beliau juga dijadual melawat Menara Berkembar Petronas dan dianugerahi Doktor Kehormat oleh Universiti Teknologi Petronas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632276>